

Mahathir puji Shamelin Kerajaan mahu kita proses bahan mentah

KAJANG, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya sebahagian besar hasil bahan mentah negara ini diproses di negeri ini sendiri dan bukan di negara-negara lain.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, langkah mendirikan industri-industri penapisan minyak kelapa sawit di negara ini merupakan satu persediaan ke arah itu.

Beliau berucap merasmikan kilang penapis minyak kelapa sawit Shamelin Oil Processing Sdn. Bhd. di Rincing, dekat sini hari ini.

Kilang bermodal \$10 juta itu adalah sebuah syarikat usahasama Shamelin dengan Pacific Gamble Robinson dan National Land Finance.

Syarikat Pacific Gamble Rob-

Oleh NORDIN MOHAMAD

inson dari Amerika Syarikat memegang 49 peratus dari jumlah modal, Shamelin 32 peratus dan National Land Finance 19 peratus.

Peranan

Kilang itu mempunyai keupayaan memproses dan menapis 120 metrik tan minyak kelapa sawit dalam sehari.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan, penubuhan kilang tersebut merupakan satu lagi kejayaan yang menggalakkan yang dicapai oleh sebuah syarikat kerjasama (Shamelin).

Katanya, kejayaan itu menunjukkan syarikat kerjasama boleh memainkan peranan penting menentukan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Beliau berharap lebih banyak

syarikat kerjasama lain mengorak langkah yang sama untuk bergiat lebih aktif dalam lapangan perdagangan dan perindustrian, selaras dengan hasrat DEB.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, sebagai saluhan seruan Kerajaan agar saluran perniagaan borong-runcit diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar, Shamelin telah berjaya membuka 22 buah kedai di seluruh Semenanjung Malaysia.

Katanya, dalam perkembangan ekonomi negara yang pesat, Shamelin telah mengambil langkah yang bijak dengan memperibagalkan kegiatannya meliputi perniagaan insurans, penjualan jentera pembajak pertanian, alat-alat elektrik dan kegiatan pelaburan lain.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengucapkan "syabas" kepada Shamelin atas

kejayaan tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, penyertaan Shamelin dalam industri penapisan minyak kelapa sawit kena pada masanya, memandangkan penghasilan bahan itu di seluruh negara di masa depan akan meningkat sedangkan kilang-kilang memprosesnya masih berkurangan.

Bellau yakin, industri itu mempunyai potensi masa depan yang cerah memandangkan kelapa sawit merupakan hasil pertanian yang kedua besarnya di negara ini selepas getah.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dalam industri bermodal \$10 juta itu, keperluan modal dan kepakaran asing mungkin tidak dapat dielakkan.

Menurut beliau, penyertaan Pacific Gamble Robinson dalam usahasama itu, selain dari menyediakan modal, dapat pula membekalkan pengetahuan teknologi moden di bidang tersebut.

"Pengetahuan teknologi moden seperti ini amat penting bagi negara ini yang sedang menjalani proses industrialisasi di mana pemindahan teknologi menjadi asas kepada proses tersebut," ujar beliau.

Katanya, minat yang ditunjuk oleh Pacific Gamble Robinson untuk melabur di negara ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai iklim pelaburan yang baik.

Hadir sama di upacara itu ialah Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah yang juga Pengerusi Kehormat Koperasi Shamelin Bhd., Encik Saiful Juid, Pengerusi Pacific Gamble Robinson, Encik Douglas S. Gamble dan Pengerusi Syarikat National Land Finance, Encik K.K. Samy.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 11,317
No. Penerbitan 31301